



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

SEMPENA HARI KUSTA SEDUNIA 2023

TEMA: "BERTINDAK SEKARANG: HAPUSKAN KUSTA"

Penyakit kusta adalah salah satu daripada penyakit berjangkit tertua (selain penyakit tibi) yang masih menjadi permasalahan kesihatan awam terutama di beberapa lokaliti endemik yang dikenali di seluruh Malaysia. Ia adalah penyakit berjangkit yang kronik dan boleh menjangkiti kontak rapat melalui pernafasan apabila rembesan di udara yang mengandungi bakteria bernama *Mycobacterium leprae* dilepaskan ketika pesakit yang tidak dirawat batuk atau bersin. Di peringkat global, penyakit kusta menunjukkan peningkatan kes pada tahun 2021 iaitu sebanyak 10.2% (140,594 kes baharu) berbanding tahun 2020 (128,405 kes baharu). Berlainan pula di Malaysia, terdapat penurunan kes baharu sebanyak 21.5% (142 kes) pada tahun 2021 berbanding 181 kes pada tahun 2020. Namun pada tahun 2022, Malaysia menunjukkan peningkatan kes kusta baharu sebanyak 15.5% (164 kes) berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan ini adalah hasil dari pengesanan kes secara aktif di lokaliti endemik yang dilakukan oleh anggota kesihatan di peringkat daerah.

Pada 29 Januari 2023, Hari Kusta Sedunia disambut untuk memperingati mereka yang terkesan akibat penyakit ini dan memberi kesedaran bahawa kusta masih wujud dan masyarakat perlu memainkan peranan di dalam memastikan kelestarian dan kesejahteraan kehidupan pesakit diteruskan. Penyakit yang sering terpalit dengan stigma dan diskriminasi ini, perlu diuar-uarkan agar masyarakat mengetahui bahawa ia adalah sejenis penyakit berjangkit yang tiada kaitan dengan keturunan dan ia boleh sembuh. Sejak empat dekad yang lampau, sebanyak 18 juta pesakit kusta di dunia telah dirawat dengan pemberian rawatan *WHO Multidrug Therapy* (WHO –MDT) sehingga sembuh dan ini secara langsung telah mengurangkan kadar prevalen kusta di dunia sebanyak >95%. Rawatan WHO-MDT amat berkesan dan tempoh rawatan adalah di antara 6

bulan ke 12 bulan, bergantung kepada jenis kusta yang dihidapi. Masyarakat tidak perlu menjauhkan diri dari pesakit kusta kerana secara saintifiknya, dengan pengambilan dos pertama rawatan, pesakit tidak lagi berisiko untuk menjangkiti individu lain.

Kementerian Kesihatan Malaysia kekal komited di dalam menangani permasalahan kusta. Aktiviti kawalan dan pencegahan yang bersasar kepada golongan berisiko dilakukan di peringkat lokaliti dan daerah. Antaranya adalah saringan kulit terhadap komuniti melalui pengesanan kes secara aktif atau *Active Case Detection* (ACD). Kontak rapat turut dikenalpasti dan disaring di klinik-klinik yang berdekatan mengikut garis panduan sedia ada. Sempena Sambutan Hari Kusta Sedunia untuk tahun ini, marilah kita bekerjasama untuk memberi galakan kepada pesakit kusta agar meneruskan rawatan sehingga sembuh. Sokongan moral terhadap ahli keluarga yang terkesan juga sangat penting agar mereka terus hadir bagi menjalani saringan kulit di klinik. Bagi komuniti berisiko seperti kontak rapat dan individu yang menetap di lokaliti endemik hendaklah segera ke klinik apabila mula menunjukkan tanda-tanda awal kusta iaitu tompok-tompok putih atau merah tembaga di kulit yang tidak gatal. Mereka yang tidak dikesan awal atau tidak mengambil rawatan, boleh mengakibatkan komplikasi kecacatan fizikal yang kekal akibat kusta. Maka adalah sangat penting untuk semua individu, ahli keluarga dan masyarakat amnya untuk memainkan peranan masing-masing kerana penularan kusta akan dapat dihapuskan dan kecacatan dapat dielakkan jika pengesanan awal berlaku dan rawatan diambil sehingga sembuh - "Bertindak sekarang: Hapuskan Kusta". Sekian terima kasih.

DR. ZALIHA MUSTAFA
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

30 Januari 2023